

24 NOV 2001

TIMBALAN AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN SURINAM

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Mizan Zainal Abidin, telah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Surinam, Runaldo Ronald Venetiaan sempena Hari Kemerdekaan ke-26 negara itu.

Sultan Mizan mengucapkan setinggi tahniah kepada Presiden dan rakyat Surinam.

"Beta mendoakan agar tuan Presiden sentiasa berada dalam keadaan sihat sejahtera," kata Seri Paduka dalam satu kenyataan hari ini.

Dalam perutusan yang sama kepada Presiden, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap tahun-tahun akan datang akan memberikan kemajuan dan kebahagiaan kepada Surinam dan rakyatnya.

"Saya berharap dapat mengeratkan lagi hubungan antara Malaysia dan Surinam pada tahun-tahun akan datang," kata beliau.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Maria Levens, berkata beliau berharap dapat memperkukuhkan lagi hubungan dan mempelbagaikan hubungan dua hala di antara kedua negara.

-- BERNAMA

NZ NZ YBY ZB